

1981

PULAU PINANG, 28 JUN (BERNAMA)— DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARILIN MENJELASKAN BAHAWA SESEBUAH PERTUBUHAN ITU HANYA AKAN DITAKRIF SEBAGAI PERTUBUHAN POLITIK BERDASARKAN KEPADA KEGIATAN DAN PENGUMUMAN YANG SELALU DIBUAT PADA KESELURUHANNYA. KEGIATAN DAN PENGUMUMAN YANG DIBUAT SEKALI-SEKALA TERHADAP SATU-SATU ISU SAHAJA TIDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI SEBAB PERTUBUHAN ITU DITAKRIF SEBAGAI PERTUBUHAN POLITIK.

MEMBUAT PENJELASAN MENGENAI PINDAAN AKTA PERTUBUHAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ITU PERLU TERGESAGESA MENUKAR KEPADA PERTUBUHAN POLITIK SEKIRANYA KURANG JELAS TENTANG PINDAAN TERSEBUT.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG YANG KE-35 GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN CINA MALAYSIA DI SINI, BELIAU MENCADANGKAN SUPAYA DIALOG DILAKUKAN DENGAN JABATAN KERAJAAN YANG BERKENAAN TERLEBIH DAHULU UNTUK MENDAPATKAN PENJELASAN. UCAPAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DIBACAKAN OLEH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK LEW SIP HON.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PINDAAN TERSEBUT TIDAK BERTUJUAN MENGHAPUSKAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ATAU MEMBUATKANNYA MENJADI LEMBAB.

—BERSAMBUNG 1103/AN

B514
MAHATHIR 2 PULAU PINANG

PINDAAN ITU SEBALIMNYA BERTUJUAN MENYEKAT PERTUBUHAN-PERTUBUHAN DARIDIGUNAKAN SEBAGAI TAPAK MENJALANKAN KEGIATAN POLITIK.

MEREKA YANG INGIN MENCEBURKAN DIRI DALAM ARENA POLITIK SEPATUTNYA BERBUAT DEMIKIAN SECARA TERANG DAN BUKANLAH BERSEMBUNYI DI SEBALIK SELIMUT, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SEDAR ADA KEMUNGKINAN TERDAPAT KEKELIRUAN DALAM PELAKSANAAN PINDAAN ITU TETAPI TUJUAN KERAJAAN ADALAH JELAS.

MENGENAI PENYERTAAN SWASTA DALAM BIDANG EKONOMI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA KERAJAAN S&NT IASA BERUSAHA MERANGKA STRATEGI BARU UNTUK MEMBANTU GOLONGAN PENIAGA DAN AKAN TERUS MEMBERI GALAKAN UNTUK MENINGKATKAN PENYERTAAN SWASTA DALAM BIDANG TERSEBUT.

BELIAU BERKATA PADA MASA YANG SAMA KERAJAAN BERHARAP SEKTOR SWASTA AKAN MEMBERI KERJASAMA SEPENUHNYA BAGI MENJAYAKAN MATALAMAT NEGARA KERANA HANYA MELALUI SEMAMGAT INI NEGARA AKAN BOLEH TERUS BERTAMBAH MAJU DALAM KEADAAN POLITIK YANG STABIL DAN EKONOMI YANG MAKMUR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA KERAJAAN SEDANG GUBAT BERUSAHA MENCARI PASARAN UNTUK MENGEKSPORT BARANG-BARANG KELUARAN NEGARA INI.

—BERSAMBUNG 1106/AN

KATANYA MEMANDANGKAN SEKTOR PEMBUATAN AKAN MENJADI PENGGERAK EKONOMI NEGARA, MAKA WAJARLAH USAHA DIPERTINGKATKAN BAGI MENENTUKAN PASARAN UNTUK SEKTOR TERSEBUT TURUT BERTAMBAH.

DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT, SEKTOR EKSPORT DIJANGKA BERKEMBANG DENGAN KADAR 9.7 PERATUS SETAHUN DAN JUMLAH EKSPORT PULA DIJANGKA MENCAPAI \$19,800 JUTA MENCERLANG TAHUN 1985 BERBANDING DENGAN \$7,200 JUTA TAHUN LALU.

BELIAU BERKATA USAHA SEDANG DIJALANKAN UNTUK MENCAPAI MATAKAMPAH INI DAN INI TERMASUK MENGHANTAR LEBIH BANYAK MISSI PERDAGANGAN, PAMERAN PERDAGANGAN, MENGANJURKAN SEMINAR DAN BENGKEL SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH PUSAT PERDAGANGAN EKSPORT MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA ADA BEBERAPA KETIKA BELIAU MENDAPATI SEMASA KEMENTERIANNYA MENGANJURKAN MISSI PERDAGANGAN, PENYERTAAN SWASTA ADALAH TIDAK MENGGALAKKAN KECUALI MISSI-MISSI KE NEGERI CHINA.

BELIAU BERHARAP PELUANG-PELUANG SEPERTI INI AKAN DAPAT DIREPUT PADA MASA HADAPAN.

—BERNAMA 1109/AN